

MANUAL OPERASI MAKMAL BAHASA DIGITAL MC50

1.0 POWER ON/OFF

- 1.1 Pertama, sambungkan plag penyesuai. Kemudian, tekan butang **POWER** untuk menghidupkan Makmal Bahasa Digital. Skrin akan dihidupkan dan menunjukkan "**LINGUAPHONE**". Sila memilih sumber untuk kandungan dimainkan dengan menekan butang **SOURCE**.
- 1.2 Tekan butang **POWER** sekali lagi untuk mematikan Makmal Bahasa Digital. Skrin akan menunjukkan "**GOODBYE**" dan Makmal Bahasa Digital kini dimatikan.

(Catatan: Silakan tanggalkan penyesuai dari palam kuasa jika anda tidak berniat menggunakan Makmal Bahasa Digital untuk tujuan keselamatan.)

2.0 OPEN

- 2.1 Tekan butang **OPEN** untuk memasukkan /mengeluarkan CD. Selepas berbuat demikian, tekan ke atas pintu CD perlahan-lahan untuk menutupkannya.
- 2.2 Sebaik sahaja pintu CD ditutup, skrin akan menunjukkan "**CD READ**". Ia akan mencari dan membaca jumlah **TRACK** dan kemudian berhenti untuk menunggu arahan seterusnya. Jika tiada CD dikesan, skrin akan menunjukkan "**NO DISC**".

(Catatan: Sila kendali CD dengan perlahan-lahan dan sentiasa cuba untuk tidak menyentuh kawasan di dalam pintu CD kerana ini akan menjejaskan sensitiviti komponen di dalam)

3.0 FILE/TRK

- 3.1 Apabila anda mahu beralih/melompat ke trek/fail tertentu, sila tekan butang **FILE/TRK** dan angka di atas **FILE/TRACK** akan berkelip pada skrin. Pusingkan **JOG CONTROL** untuk melaraskan trek yang anda mahu dan tekan butang **ENTER** untuk mengesahkan pilihan anda. Makmal Bahasa Digital akan mencari dan memainkan trek/fail pilihan anda dengan serta-merta.

4.0 RECORD

- 4.1 Fungsi rakam disediakan untuk membuat rakaman kandungan CD dan sebutan pengguna secara berasingan atau secara berkombinasi. Ia adalah satu fungsi untuk membuat perbandingan sebutan dan dengan itu, ia dapat meningkatkan kemahiran berbahasa.

4.2 **Sebutan Pengguna Sahaja**

Pertama, tekan butang **PLAY/PAUSE**. Selepas itu, tekan butang **RECORD** untuk mengaktifkan mikrofon dan mula melaksanakan rakaman. Skrin akan menunjukkan "**MIC**" dan ia akan mula mengira masa rakaman.

Kedua, tekan butang **RECORD** untuk memainkan kandungan rakaman dan skrin akan menunjukkan "**RPL**"

Ketiga, tekan butang **RECORD** sekali lagi untuk memadamkan kandungan rakaman dan skrin akan menunjukkan "**ERASE**". Masa rakaman maksimum ialah 180 saat. Untuk kes rakaman penuh, ia akan memainkan kandungan rakaman secara automatic selepas 180 saat rakaman telah selesai.

4.3 **Perbandingan Antara Pengguna Dan Speaker Asli**

Pertama, tekan butang **RECORD** untuk melaksanakan rakaman. Skrin akan menunjukkan "**REC**" dan ia akan mula mengira masa rakaman.

Kedua, tekan butang **PLAY/PAUSE** untuk mengaktifkan mikrofon untuk rakaman suara/sebutan. Pengguna boleh mula berlatih sebaik sahaja mikrofon diaktifkan.

Ketiga, tekan butang **PLAY/PAUSE** sekali lagi untuk terus mendengar mainan CD. Sila ulangi langkah 2 dan 3 untuk membuat perbandingan sebutan antara Pengguna dan Speaker Asli.

Keempat, tekan butang **RECORD** sebaik sahaja selesai berlatih dan pengguna kini boleh mendengar semula rakaman yang dibuat dan perbandingan sebutan dengan speaker asli dapat didengar.

Akhir sekali, tekan butang **RECORD** untuk memadamkan kandungan rakaman dan skrin akan menunjukkan "**ERASE**". Masa rakaman maksimum ialah 180 saat. Untuk kes rakaman penuh, ia akan memainkan kandungan rakaman secara automatic selepas 180 saat rakaman telah selesai.

5.0 REP A-B

- 5.1 Pilih kandungan/ trek tertentu untuk pengulangan tempoh masa tertentu.
- 5.2 Apabila anda mahu menetapkan permulaan bahagian trek tertentu, tekan butang "**REP A-B**" (kali pertama), skrin akan menunjukkan "**REPEAT**" dan apabila "A-" berkelip, tekan butang "**REP A-B**" sekali lagi (kali kedua) untuk menetapkan

- pengakhiran bahagian tertentu. Skrin akan memaparkan “AB” berkelip. Dengan berbuat demikian, ia akan memainkan bahagian tertentu trek dari lokasi A ke B.
- 5.3 Tekan butang “**REP A-B**” (kali ketiga) untuk menamatkan fungsi REP A-B dan seterusnya Makmal Bahasa Digital akan kembali ke mod biasa.

6.0 REPEAT

- 6.1 Tekan butang **REPEAT** untuk menetapkan Makmal Bahasa Digital ke mod kitaran.
- 6.2 Tiga jenis setting yang sedia ada: Ulang satu trek/fail, semua file dan Ulang off. Skrin akan menunjukkan (**RPT 1 / RPT ALL / RPT OFF**) bersempena dengan setiap tekanan.

7.0 SOURCE

- 7.1 Tekan butang “**SOURCE**” untuk memilih sumber kandungan asal. Sumber asal adalah CD; Sumber pilihan adalah USB dan SD Card.
- 7.2 Apabila CD dipilih, skrin akan menunjukkan “**CD&CD READ**” dan kandungan CD akan dimainkan.
- 7.3 Apabila SD Card dipilih, skrin akan menunjukkan “**SD & CARD READ**” dan kandungan SD card akan dimainkan.
- 7.4 Apabila USB dipilih, skrin akan menunjukkan “**USB & USB READ**” dan kandungan USB akan dimainkan.

8.0 ENTER

- 8.1 Tekan butang **ENTER** untuk mengesahkan setting.

9.0 JOG CONTROL (Volume Dan Figure Setting)

- 9.1 Dalam mod biasa, pusingkan “**JOG CONTROL**” untuk melaraskan volume ke atas / ke bawah antara MIN 0-1...ke 30 – MAX. Skrin akan menunjukkan “VOL” dan tahap volume.
- 9.2 Dalam **FILE/TRK** setting, pusingkan “**JOG CONTROL**” untuk memainkan fail/trek yang diinginkan dan tekan butang “**ENTER**” untuk pengesahan.

10. REWIND / STOP / PLAY / PAUSE / FORWARD

- 10.1 **REWIND / STOP / PLAY / PAUSE / FORWARD** butang berfungsi seperti produk audio yang lain.